



**UCAPTAMA**

**MESYUARAT PEGAWAI KANAN (S0C)**

**JKR MALAYSIA TAHUN 2019**

**KETUA PENGARAH JKR MALAYSIA**

**YBHG DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN**

**MD TAHA**

---

**9 MAC 2019 (SABTU)**

**HOTEL EQUATORIAL, PULAU PINANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Dihormati Saudara dan Saudari  
Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj.  
Osman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

YBrs. Tuan Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul  
Rashid  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor  
Pakar)

YBrs. Tuan Ar. Zairul Azidin bin Badri  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya  
(Sektor Bangunan)

YBrs. Puan Mastura binti Shaari  
Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan  
Korporat merangkap Pengerusi  
Jawatankuasa Induk Mesyuarat Pegawai  
Kanan JKR Malaysia 2019

YBrs. Ir. Shahabuddin bin M. Muhayidin  
Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang  
merangkap  
Pengerusi Pengelola Mesyuarat Pegawai  
Kanan JKR Malaysia 2019

Pengarah-Pengarah Kanan Cawangan,  
Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian,  
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-  
Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai Kader,  
Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan  
Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan izin dan rahmat-Nya, dapat kita kembali bersama-sama sekali lagi di Persidangan Pegawai Kanan, Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2019, di Georgetown, Pulau Pinang. Saya amat berbesar hati untuk berada di sini bersama-sama saudara dan saudari sekalian, yang sentiasa bersemangat dan bersedia memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan persidangan tahunan kita ini.

Saya juga menzahirkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pengelola Peringkat Negeri terutamanya Pengarah serta seluruh warga JKR Negeri Pulau Pinang yang telah bertungkus-lumus sejak awal tahun lagi bagi membuat persiapan untuk menyediakan tempat mesyuarat yang kondusif kepada semua hadirin.

2. Umumnya warga JKR ketahui Persidangan Pegawai Kanan JKR atau SOC merupakan program tahunan utama dan terbesar yang diadakan di peringkat Jabatan. Tema yang dipilih bagi Mesyuarat SOC tahun ini iaitu ‘JKR: PENERAJU INFRASTRUKTUR NEGARA’. Tema ini adalah sangat bertepatan sekali dengan fungsi dan peranan JKR. Ini kerana peranan yang dimainkan oleh JKR amat sinonim sebagai jabatan pelaksana dan tulang belakang dalam pembangunan jaringan infrastruktur negara.

3. Saya percaya, mesyuarat ini merupakan program utama yang ditunggu-tunggu untuk dihadiri, kerana ia adalah medium utama untuk menyampaikan amanat dan dasar jabatan kepada semua pegawai kanan. Selain itu perhimpunan ini merupakan platform untuk kita berkongsi maklumat, pengalaman dan bertukar-tukar idea baru yang inovatif, yang boleh dijadikan iktibar dan rujukan untuk digunakan semasa menjalankan tanggungjawab harian kita.

Semoga sinergi *output* dan *outcome* yang diperoleh daripada program ini akan dapat disalur dan disampaikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan sokongan di bawah pengendalian tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Meniti perjalanan di tahun 2019, YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara telah memberikan beberapa panduan yang diharap dapat membantu warga perkhidmatan awam dalam meneruskan tradisi kejayaan pada tahun ini, antaranya; -

**i. Pembaharuan yang berterusan** yakni tidak bermaksud meninggalkan segala yang lepas, tetapi meneruskan aspirasi bagi memperkemaskan perkhidmatan awam.

**ii. Do the right thing right the first time** iaitu kesalahan atau kesilapan bukanlah satu pilihan. Oleh yang demikian, kita mesti melaksanakan tugas dengan yang betul pada kali pertama dan tidak membuat kesalahan atau kesalahan berulangkali.

Budaya kerja yang berintegriti, menepati janji dan masa, serta amanah dalam setiap tindakan adalah faktor kecemerlangan perkhidmatan awam.

**iii. Memodenisasikan penyampaian perkhidmatan** di mana prosedur sedia ada harus diteliti kewajarannya bagi memastikan ia sentiasa relevan. Media sosial juga harus dimanfaatkan sebaik mungkin bagi tujuan penyampaian yang lebih cepat dan tepat.

**iv. Perkhidmatan yang mesra rakyat dan**

harus sentiasa menghulurkan bantuan.

Jangan biarkan rakyat terus beranggapan bahawa setiap urusan Kerajaan adalah rumit, membazir masa dan menyusahkan.

**v. Cabaran persekitaran global**

memerlukan penjawat awam senantiasa bersedia sebagai penggerak utama dalam membantu Kerajaan menghadapai cabaran semasa dengan memastikan tidak berlaku pembaziran sumber.

Segala peruntukan perlu dibelanja dengan optimum serta berhemah.

**vi. Penjawat Awam harus bersatu, ikhlas dan berfikir dengan terbuka untuk melaksanakan perubahan agar perkhidmatan awam menjadi satu institusi yang disegani.** Peliharalah keharmonian dan keterujaan membuat pembaharuan dan perubahan.

5. Melalui AP 182, JKR telah diberi mandat dan tanggungjawab yang lebih besar untuk melaksanakan semua projek kerja.

Maka, seharusnya kita menyambut baik perkara ini dan bekerja keras dalam memastikan tanggungjawab yang diberikan ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Ini membuktikan kerajaan dan rakyat masih berkeyakinan serta percaya akan kredibiliti dan kepakaran JKR dalam agenda pembangunan negara.

6. Dasar kerajaan Pakatan Harapan yang mengaplikasikan perolehan secara tender terbuka membuka peluang sama rata dan adil kepada semua pihak, selain mampu meningkatkan tahap kecekapan pihak berkaitan dalam menawarkan perkhidmatan terbaik.

Konsep perolehan tender terbuka juga berupaya menghapuskan amalan tender terhad dan rundingan terus bagi mana-mana kontrak atau projek kerajaan. Kabinet turut memutuskan pengeluaran surat sokongan terhadap mana-mana tender adalah dilarang sama-sekali untuk memastikan tadbir urus yang baik dan mengelakkan berlakunya kepincangan dalam keputusan kerajaan. Oleh yang demikian, menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk membuat penilaian dan keputusan dengan telus tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur luar.

7. Janji 23 Kerajaan Baharu ialah untuk Memastikan Sistem Perolehan Kerajaan Menjana Faedah Maksimum Untuk Wang Rakyat. Bagi mencapai tujuan ini, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah membentangkan kertas bertajuk Cadangan Penambahbaikan bagi Kaedah Penilaian dan Pemilihan Perunding dan Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding bagi Projek Fizikal.

Antara dua pengesyoran yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah ialah, pertamanya, mewujudkan kriteria wajib lulus di mana perunding hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Lembaga Profesional, bebas daripada tindakan tatatertib salah laku profesional di bawah Lembaga Profesional masing-masing dan berprestasi baik bagi melayakkan perunding dinilai ke peringkat selanjutnya.

8. Syor kedua yang dipersetujui ialah, kaedah perolehan perunding secara *Lead Consultant* melalui tender terbuka akan digunakan dengan lebih meluas. *Lead Consultant* akan melantik sub perunding daripada pelbagai bidang bagi projek berkenaan. Konsep perolehan secara *Lead Consultant* merupakan kontrak satu titik tanggungan (single point liability). Maka dengan adanya kaedah perolehan yang mengadakan kriteria wajib lulus dan pelantikan *Lead Consultant*, ini dengan sendiri akan menjana faedah nilai terbaik kepada Kerajaan.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-  
PROJEK DALAM RANCANGAN  
MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11)  
SEHINGGA 31 DISEMBER 2018**

9. Untuk makluman semua, JKR telah menerima peruntukan daripada kementerian pelanggan sebanyak RM16.1 bilion bagi melaksanakan 1,093 projek dalam RMK-11.

## a) Status Pelaksanaan Projek Fizikal

10. Status 1,093 projek fizikal yang dilaksanakan dalam RMKe-11 sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:
- i. 95 projek (8.7%) masih dalam perancangan;
  - ii. 62 projek (5.7%) dalam peringkat reka bentuk;
  - iii. 67 projek (6.1%) dalam peringkat perolehan;
  - iv. 372 projek (34.0%) sedang dalam peringkat pembinaan; dan
  - v. 497 projek (45.5%) telah siap.

## b) Pencapaian 2018

11. Bagi tahun 2018, JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM 6.0 bilion daripada kementerian pelanggan iaitu sebanyak RM 5.5 bilion peruntukan pembangunan dan sebanyak RM 0.6 bilion daripada sumber peruntukan bukan pembangunan seperti *Private Financing Initiative* (PFI), Akaun Amanah dan badan-badan berkanun. Daripada jumlah RM 6.0 bilion yang diperuntukkan dalam tahun 2018, JKR telah membelanjakan sebanyak RM 5.7 bilion iaitu 94.0%.

12. Dalam tempoh berkenaan juga, JKR telah menyiapkan 127 projek iaitu 64% daripada 197 projek yang sepatutnya siap pada tahun 2018. Pada tahun ini, semua warga terlibat mesti berusaha lebih keras untuk meningkatkan pencapaian JKR dalam menyiapkan projek pembangunan yang diamanahkan kepada kita.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PENGURUSAN KEWANGAN JKR**

13. Sehingga 31 Disember 2018, Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi JKR Malaysia adalah sebanyak 99% manakala Perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak 94%.

14. Untuk makluman jua, KPI JKR Malaysia sehingga 31 Disember 2018 adalah 99% bagi perbelanjaan mengurus, manakala KPI bagi perbelanjaan pembangunan adalah 95% (bagi PTJ JKR Malaysia) dan 97% (bagi PTJ Sektor Infra).

15. Bagi Prestasi Pembayaran Bil, sehingga 31 Disember 2018, Prestasi Pembayaran Bil Sempurna Bagi JKR Malaysia adalah 99% dalam tempoh 14 hari, 95% dalam tempoh 7 hari dan 64% dalam tempoh 3 hari.

16. Bagi tahun 2019, JKR Malaysia telah mendapat peruntukan mengurus adalah sebanyak RM455 juta. Berikutan dengan kedudukan semasa kewangan Kerajaan terutamanya anggaran kutipan hasil kerajaan yang dijangka menurun pada tahun 2019, maka Kerajaan telah menambahbaik pengurusan belanjawan

melalui penstrukturian semula kaedah pengagihan peruntukan bagi meningkatkan kawalan aliran tunai dengan menggunakan pendekatan *zero based* bagi penyediaan Belanjawan 2019.

17. Perkara-perkara yang perlu diambil tindakan dalam melaksanakan penyediaan Belanjawan 2019 secara *zero based* adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan peruntukan bagi perkara-perkara perlu terlebih dahulu yang merangkumi perbelanjaan tanggungan, emolumen, sewaan

wajib dan penyelenggaraan perlu sahaja;

- ii. Semua program sedia ada yang kebiasaananya dilaksanakan setiap tahun akan dinilai semula keperluannya selaras dengan keupayaan kewangan Kerajaan, manfaat kepada kumpulan sasar dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan; dan

iii. Menyemak semula skala dan struktur kos program dan projek supaya lebih efektif serta mengurangkan ketirisan dan pembaziran. Di samping itu, program dan projek antara agensi juga perlu dirasionalisasikan agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan objektif.

18. Justeru, pengurusan kewangan di JKR Malaysia perlulah dikendalikan berdasarkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan berteraskan amalan pengurusan yang baik untuk berbelanja secara

berhemah dan mempunyai nilai untuk wang (value for money).

19. Oleh itu, saya berharap agar segala perolehan bagi tahun 2019 perlu dirancang dengan teliti dan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang telah dikuatkuasa.

20. Dengan pelaksanaan perakaunan akruan mulai 1 Januari 2018, semua bayaran dan transaksi perakaunan perlu menggunakan sistem iGFMAS manakala semua perolehan yang menggunakan peruntukan persekutuan perlu

menggunakan sepenuhnya Sistem ePerolehan Baharu di semua PTJ termasuk di JKR Negeri.

21. Sukacita juga saya ingin umumkan di sini bahawa JKR telah mencapai kejayaan yang membanggakan pada tahun 2018 apabila telah dianugerahkan **5 Bintang** bagi Pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi tahun 2017. Besar harapan saya agar pencapaian ini dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi bagi pengauditan AI pada tahun ini yang dilaksanakan mulai 14 Januari 2019.

Semoga kita dapat mengekalkan status 5 Bintang yang diperolehi.

22. Peranan audit dalaman juga perlu dipertingkatkan di JKR Malaysia untuk memastikan audit pengurusan kewangan dan audit prestasi dilaksanakan. Ini bagi memastikan sistem kewangan, perbelanjaan, hasil, aset dan stor diuruskan mengikut undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan serta memastikan sumber-sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Tuan Puan hadirin yang saya hormati sekalian,

## **PENGIKTIRAFAN DAN KEJAYAAN JABATAN**

23. Sepertimana saya sebutkan dalam ucapan aluan semalam, pada tahun 2018 kita berjaya memperolehi pelbagai kejayaan, antaranya:

- i. Pencapaian cemerlang bagi pengiktirafan lima bintang (100%) untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017 oleh Jabatan Perkhidmatan

Awam Malaysia pada 1 Oktober 2018. Ini merupakan pencapaian tertinggi yang boleh diperoleh sesebuah agensi kerajaan. Tahniah saya ucapkan kepada semua warga kerja JKR. Saya berharap JKR terus cemerlang dan mengekalkan pencapaian ini bagi tahun-tahun seterusnya.

- ii. Pada tahun 2018, sebanyak tiga (3) projek JKR telah mendapat pengiktirafan skor SHASSIC 5 bintang daripada CIDB dimana projek tersebut telah memenuhi kriteria Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

di dalam sektor pembinaan. Penilaian melibatkan elemen-elemen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di peringkat dokumentasi, sesi temuramah kepada SHO, SSS dan Pengurus Projek. Tiga (3) projek tersebut adalah:

- a. Penyiapan Kerja-Kerja Terbengkalai Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat di PPUKM, Cheras, Kuala Lumpur.
- b. Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat (Park ‘N’ Ride) dan

Menaiktaraf Bangunan Stesen Komuter Klang Sedia Ada Serta Menaiktaraf Prasarana di Jalan Raya Timur di Bandar Klang, Selangor.

- c. Pembinaan Jambatan Baru Merentasi Sungai Kuantan Bagi Menghubungkan Bandar Kuantan Ke Bandar Putra, Tanjung Lumpur.
- iii. Selain itu, JKR juga telah berjaya menyiapkan 35 buah bilik darjah konsep di 10 sekolah rendah sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya yang

direkabentuk dan dibina dengan menggunakan kaedah IBS. Projek ini berjaya diiklankan dalam masa 7 hari dan tempoh pengiklanan disingkatkan daripada 21 hari kepada 10 hari. Jumlah keseluruhan tempoh prakontrak iaitu dari penerimaan projek sehingga keluarnya Surat Setuju Terima (SST) adalah hanya 24 hari. Pembinaan dijalankan ditapak bermula 15 Oktober 2018 yang lalu dan syukur Alhamdulillah projek ini telah dapat diserahkan kepada KPM dalam tempoh  $9 \frac{1}{2}$  minggu sahaja iaitu 11 hari lebih awal daripada jadual.

iv. Saya juga sangat berbangga kerana Jabatan Kerja Raya buat julung kalinya pada tahun ini telah menganjurkan Hari Profesional Teknikal Negara JKR 2018 (HPTN JKR 2018) pada 4 Disember 2018 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, dan telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya. Semoga penganjurannya dapat diteruskan ke tahun-tahun berikutnya.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN 2018**

24. Alhamdulillah, atas komitmen warga JKR, kita berjaya mencapai sasaran KPI 2018 sepertimana yang dirancang pada awal tahun. Tahun 2018 mencatatkan kejayaan beberapa pencapaian KPI yang membanggakan, namun begitu masih ada ruang penambahbaikan yang boleh kita tambah baik dan perkemaskan untuk tahun seterusnya.

Ingin saya kongsikan di sini pencapaian prestasi jabatan bagi tahun 2018 untuk makluman warga kerja JKR;

- i. Sekurang-kurangnya 60% dari jumlah projek siap mestilah disiapkan secara 3 dalam 1
  - Bagi KPI ini, kita telah berjaya mencapai KPI yang melebihi sasaran, iaitu 68.53% pencapaian serahan secara 3 dalam 1.

ii. KPI Jabatan telah mensasarkan sebanyak 10 projek jalan yang dikeluarkan SST sepatimana dalam tarikh yang dinyatakan di dalam Q-Plan.

-Pada tahun 2018 sebanyak dua puluh enam (26) projek jalan telah dikeluarkan SST sepatimana dalam tarikh yang dinyatakan di dalam Q-Plan. Alhamdulillah, jumlah ini telah melebihi KPI Jabatan yang telah ditetapkan.

iii. Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pulau Indah adalah antara projek berprofil tinggi yang diserahkan kepada JKR.

Sebagai KPI Jabatan pada tahun 2018, kita telah berjaya menyiapkan projek ini sepenuhnya dan memenuhi KPI dengan sasaran kemajuan sebanyak 100% untuk tahun 2018.

- iv. Di samping itu, Projek Sekolah Daif telah mencapai kemajuan sebanyak 96.33 % bagi tahun 2018.
- v. 40% Projek IBS menggunakan Komponen Buatan Kilang.
  - Bagi tahun 2018, pencapaian KPI ini telahpun melebihi sasaran iaitu 54.84%.

-Sebanyak 17 projek telah dikenal pasti menggunakan Komponen Buatan Kilang daripada sejumlah 31 projek pada tahun 2018.

- vi. PAP Versi 2.3 (2018) mensasarkan untuk pembangunan 30 bilangan rekabentuk baru pada tahun 2018. Kesemua 30 rekabentuk ini telah berjaya dibangunkan berakhir 31 Disember 2018.

vii. Walau bagaimanapun bagi EOT yang mensasarkan peratusan **tidak melebihi** 20% daripada seluruh bilangan projek yang mengeluarkan EOT, pada tahun 2018 telah mencatatkan pencapaian sebanyak 28.23%. Sehubungan itu, satu analisa bagi mendapatkan justifikasi ketidakcapaian KPI telah dibuat. Terdapat beberapa tindakan susulan yang telah dikenalpasti perlu dipatuhi samada oleh pihak S.O atau HOPT secara khususnya.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN 2019**

25. Melangkah ke tahun 2019, saya percaya kita semua telah merangka gerak kerja strategik dalam usaha memenuhi sasaran KPI yang perlu dicapai dalam tahun 2019. Sebanyak 10 KPI telah ditetapkan dengan 7 daripadanya adalah merupakan KPI baharu dalam pengukuran prestasi Jabatan. Antara KPI JKR yang perlu dicapai pada tahun ini adalah:

i. 95% daripada jumlah keseluruhan projek JKR hendaklah diserahkan pada tarikh sepatimana yang ditetapkan di dalam Q-Plan yang dipinda.

-Setakat pertengahan Februari 2019 sebanyak 4 projek telah diserahkan mengikut Q-plan. (Pencapaian 1.52%)

ii. 20% daripada jumlah projek JKR hendaklah menyediakan SST bersekali dengan dokumen kontrak iaitu dengan kaedah 2 dalam 1.

-Setakat pertengahan Februari 2019 sebanyak 5 projek telah berjaya di disediakan dengan kaedah 2 dalam 1.

iii. Bagi adaptasi IBS dalam pembinaan, 40% daripada keseluruhan projek IBS JKR hendaklah menggunakan komponen buatan kilang.

-Setakat pertengahan Februari 2019 sebanyak 1 projek IBS telah dikeluarkan SST iaitu projek Pembinaan Kuarters Pusat Koreksional Labuan Wilayah Persekutuan Labuan.

Walau bagaimanapun, masih belum dapat surat lantikan pembekal.  
(Pencapaian 0.00%)

- iv. Kesemua projek yang dilaksanakan oleh JKR berdasarkan MyCrest, mempunyai pengurangan pelepasan karbon.  
-Setakat pertengahan Februari 2019 masih tiada projek yang melalui penilaian MYCREST. (Pencapaian 0.00%)

v. Kesemua bangunan di bawah kawal selia JKR mempunyai pengurangan pelepasan karbon (bersamaan dengan 1.6 juta kg CO<sub>2</sub>)

-Setakat pertengahan Februari 2019 sebanyak 21% pengurangan perlepasan karbon daripada 1.6 juta kg CO<sup>2</sup> equivalent telah dicapai. (Pencapaian 21.00%)

vi. 2 rekabentuk projek bangunan dan jalan yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB).

-Setakat pertengahan Februari 2019 sebanyak 4 projek direkabentuk

menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Dua projek bangunan dan dua projek jalan. (Pencapaian 100.00%)

vii. 2 bangunan yang diselenggara oleh JKR melaksanakan Energy Performance Contract (EPC)

-Setakat pertengahan Februari 2019 terdapat satu projek rintis akan melaksanakan EPC iaitu MESTECC. (Pencapaian 0.00%)

- viii. 100% lokasi yang dirawat mempunyai bacaan *International Roughness Index* (IRI) kurang daripada 2.5m/km bagi pengukuran Pelaksanaan Performance Contract (PBC) di Jalan Persekutuan Zon Selatan (Melaka, Johor dan Negeri Sembilan)
- Setakat pertengahan Februari 2019 kontrak PBC ini masih dalam peringkat pertimbangan kelulusan kontrak oleh pihak KKR. (Pencapaian 0.00%)

ix. Manakala bagi adaptasi BIM dalam pelaksanaan projek, kita mensasarkan 2 projek JKR direkabentuk secara dalaman menggunakan kaedah BIM

-Setakat pertengahan Februari 2019 dua (2) bilangan projek JKR telah dikenalpasti dan dalam proses rekabentuk. (Pencapaian 0.00%)

x. Manakala bagi pelaksanaan Pre-Approved Plan (PAP) versi 2.4, sebanyak 20 rekaan baru akan dibangunkan.

-Setakat pertengahan Februari 2019 dua (2) bilangan rekabentuk PAP telah berjaya dibangunkan. (Pencapaian 10.00%)

## **PENGGUNAAN TEKNOLOGI BIM**

26. Pre-Approve Plan (PAP) adalah satu inisiatif untuk JKR mempercepatkan pelaksanaan projek. Kaedah rekabentuk PAP dilaksanakan secara BIM dan IBS telah ditingkatkan kepada 30 bilangan pada

tahun ini. Selain daripada meningkatkan kualiti rekabentuk, ia juga membabitkan penambahan pegawai yang terlibat dengan projek BIM di samping satu usaha untuk meningkatkan lagi kemahiran pegawai JKR melaksanakan BIM.

27. Sebagai jabatan teknikal utama kerajaan, JKR merupakan peneraju inovasi pembinaan melalui pelaksanaan BIM di peringkat kebangsaan. Sejak kebelakangan ini pelbagai pihak akademik, agensi kerajaan dan pihak swasta telah mengadakan lawatan teknikal dan perbincangan kerjasama BIM bersama JKR.

28. Perkembangan ini secara tidak langsung telah menjadikan JKR sebagai pusat rujukan BIM di peringkat kebangsaan.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2**

29. Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melakukan pengauditan prestasi pembinaan dan pengurusan kewangan bagi

menilai Value of Money dalam pelaksanaan projek/program oleh Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan.

Projek pembangunan infrastruktur JKR telah dilaksanakan dengan baik namun teguran-teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah menjaskankan imej kita sebagai Jabatan Teknikal Utama. LKAN Tahun 2017 Siri 2 telah dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2018 di mana Jabatan Audit Negara telah mengaudit dua (2) projek JKR.

Terdapat empat (4) penemuan berbentuk *punitive* dan enam belas(16) penemuan berbentuk corrective iaitu menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman telah di kesan.

30. Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti (PIN) dan NKRA-“Membanteras Rasuah” dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang lebih menyeluruh. Antara enam (6) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban sektor awam adalah Strategi 3.1.2: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan

Awam dalam memastikan semua agensi kawal selia melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan. Melalui strategi ini, pihak kerajaan telah mula memperkasakan semula AP 182, di mana semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan teknikal dari Jabatan Teknik (JKR Malaysia, JPS) bagi melaksanakan semua projek supaya JKR dapat menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan teknikal kepada negara dan rakyat.

31. Sebagai agensi teknikal negara, isu-isu berkaitan salah guna kuasa dan rasuah sering dikaitkan dengan JKR. Di peringkat Kementerian dan Agensi, Jawatankuasa Anti Rasuah ditubuhkan bagi memperkuuhkan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan. Antara objektifnya adalah bagi mengenal pasti kelemahan governans yang tidak dapat ditangani, dengan mengkaji semula dasar perundangan serta sistem dan prosedur kerja. Dengan itu, pengukuhan governans dan integriti dapat dilaksanakan dengan mengambil tindakan pengesanan,

pematuhan dan pemulihan pelanggaran intergriti, pelakuan rasuah dan lain-lain.

32. Sehubungan itu, kelemahan pengurusan projek seperti Lanjutan masa kontrak yang berulang dan bilangan projek lewat siap/projek sakit yang banyak serta kegagalan kontraktor menyiapkan kerja kecacatan dalam tempoh *Defect Liability Period* perlu diatasi dengan mengamalkan pemantauan projek yang lebih kerap dan teliti.

Manakala kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti dan tidak sesuai adalah berkaitan dengan prestasi perunding dan pegawai-pegawai JKR yang kurang pengalaman dan kemahiran dalam mengurus projek. Dengan itu, tahap kompetensi setiap pegawai terlibat hendaklah terlatih dengan Amalan Terbaik pengurusan dan pentadbiran projek.

33. Oleh itu, pegawai-pegawai JKR hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberi dengan lebih cekap, kreatif dan inovatif.

Tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepada agar perkara ini tidak berulang. Semua pegawai JKR hendaklah mengambil isu audit ini sebagai satu perkara yang serius dan penting bagi menghindarkan diri dari sebarang tindakan samada tatatertib ataupun *surcharge* oleh pihak kerajaan.

34. Saya menyeru kepada semua pegawai kanan JKR terutamanya yang ada di sini agar membantu dalam menambahbaik pentadbiran dan akauntabiliti sektor awam,

melaksanakan kawalan perundangan dengan berkesan serta meningkatkan amalan tadbir urus yang baik. Tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu dalam usaha menyumbang kepada peningkatan nilai dan impak berkualiti terhadap sistem penyampaian projek-projek jabatan.

## **INTEGRITI**

35. Pemantapan Integriti menjadi antara agenda utama Kerajaan Pakatan Harapan dan dengan memberi fokus kepada **PENGUKUHAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH**, Kerajaan Pakatan Harapan telah mewujudkan **Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuan Nasional (GIACC)**. GIACC ini bertanggungjawab dalam merancang, menggubal strategi dan menilai polisi dalam memastikan semua urusan kerajaan dilaksanakan berteraskan tadbir urus baik,

integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah.

**36. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023** yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Januari 2019 menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Pelaksanaan NACP bagi tempoh lima (5) tahun ini amat signifikan dalam mencerminkan harapan rakyat untuk membentuk sebuah negara yang bebas rasuah. Ia juga dilihat sebagai inisiatif serius kerajaan dalam membanteras isu-isu integriti terutama dalam kalangan penjawat

awam termasuk di JKR ini sendiri serta usaha membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti di kalangan rakyat Malaysia.

37. Suka saya maklumkan bahawa kes-kes melibatkan aduan integriti dilihat berkurangan di JKR pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017. Sehubungan itu, merujuk kepada Polisi Whistleblowing JKR sedia ada dan selaras dengan arahan YBhg. KPPA pada November 2018 yang lalu, aduan yang tidak mempunyai nama, nombor telefon

serta bukti aduan tidak akan dipertimbangkan untuk siasatan.

38. Kod etika JKR telah dilancarkan pada 2016 yang bermatlamatkan untuk memperkasakan integriti dan nilai murni warga JKR dalam menunaikan tanggungjawab sebagai penjawat awam. Untuk makluman semua, Bahagian Integriti CDPK juga telah mengagihkan semula buku kod etika JKR ini kepada warga JKR. Menjadi harapan saya agar semua warga JKR terus mengamal dan membudayakan kod etika JKR sepanjang masa.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

## **SUMBER MANUSIA - KOMPETENSI DAN KEMAJUAN KERJAYA**

### Pegawai Pakar Bidang Khusus (SME)

39. Untuk perkongsian bersama jua, seramai 13 orang pegawai JKR telah diiktiraf sebagai Pegawai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) yang berperanan untuk memberikan khidmat pakar dan menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasi mengikut bidang

kepakaran masing-masing. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua Pegawai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) JKR di atas pengiktirafan yang diterima. Seluruh warga JKR turut berbangga dengan pengiktirafan ini. Semoga JKR terus dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam menghadapi cabaran globalisasi, liberalisasi dan ledakan teknologi.

## Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (Fast Track)

40. Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (Fast Track ) bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan telah diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 /2016.

41. Sejak ia diperkenalkan, seramai 271 orang pegawai JKR yang berpotensi telah dicalonkan. Calon-calon ini perlu lulus kriteria-kriteria jabatan sebelum menduduki *English Language Proficiency Assessment*

(ELPA) yang dikendalikan oleh JPA. Jika lulus band 4 ELPA, calon perlu menghadiri kursus *Middle Management Leadership Assessment programme* (M-LEAP) atau *Advanced Advanced Leadership Development and Assessment Programme* (A-LEAP). Mana-mana pegawai yang lulus penilaian pihak ke-tiga (JPA) akan diberi penugasan khas dan ditempatkan dipenempatan khas. Di sini pegawai akan dinilai secara  $360^\circ$  selain perlu menyediakan laporan dan pembentangan.

42.Untuk tahun 2018, seramai 6 orang pegawai telah lulus band 5 A-LEAP. Walaubagaimanapun dua orang pegawai tersebut telah dikitiraf sebagai SME manakala seorang pegawai lagi telah dinaikan pangkat secara laluan pangkat secara biasa (kepimpinan). Tiga orang pegawai lagi masih lagi menunggu kekosongan jawatan (Jusa C) untuk ditempatkan secara penugasan khas. Hanya seorang yang telah melepassi semua peringkat penilaian iaitu Sr Dr Khairil Hizar Md Khuzaimah. Beliau juga telah memenuhi semua syarat-syarat bagi Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas

(*Fast Track*). Jawatankuasa Kerja Search Committee JKR bil.3 tahun 2018/ pada 5 Disember 2018 telah memutuskan bahawa beliau layak untuk diperaku urusan kenaikan pangkat. Selain itu pada tahun ini juga, seramai 7 orang pegawai telah melepas kriteria jabatan dan namanya telah dihantar untuk menduduki ELPA.

43. Sebagai Jabatan Teknikal terbesar dan juga Jabatan pelaksana, kita seringkali akan diminta oleh *stakeholder* secara ‘spontan’ untuk memberi pandangan, nasihat, anggaran dan maklumat khususnya mengenai bisnes teras kita.

Oleh yang demikian saya menyarankan agar warga kerja JKR sentiasa peka dan mempunyai maklumat penting *at our fingertips*. Antara maklumat yang seringkali ditanya adalah mengenai status projek, syarat-syarat kontrak yang penting dan maklumat sumber manusia.

44. Setiap pegawai perlu meningkatkan profesionalisme dalam bidang Pengurusan projek, Pengurusan aset dan Perkhidmatan teknikal. Pengukuran tahap profesionalisme bukan hanya diukur dari segi kelayakan akademik (*paper qualification*) semata tetapi juga diukur dari segi sumbangan kita

khususnya kepada Jabatan dan Negara amnya.

45. Saya amat menggalakkan pegawai profesional kita termasuk pegawai-pegawai muda untuk menjadi ahli dan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam institusi teknikal seperti Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, serta pertubuhan profesional lain di dalam Negara dan juga luar Negara. Melalui penglibatan seumpama ini saya percaya kita akan dapat berkongsi pengalaman dan seterusnya meningkatkan pengetahuan,

kemahiran dan profesionalisme kita di kalangan warga kerja profesional dan meletakkan JKR di kalangan organisasi teknikal yang dihormati.

46. Oleh itu amatlah penting bagi kita untuk merancang dan seterusnya melatih pegawai pelapis yang berkebolehan dan berwibawa demi memastikan kesinambungan perkhidmatan Jabatan. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam memastikan pegawai-pegawai seliaan kita diberi bimbingan dan pendedahan yang secukupnya bagi memantapkan pengalaman dan kepakaran

mereka untuk meneruskan kesinambungan bisnes JKR.

## **CABARAN 2019**

47. Hasil kejayaan JKR menyiapkan projek sekolah daif pada tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyerahkan sebanyak 97 projek baharu dalam Rolling Plan 4 (RP 4) 2019 dibawah RMK-11 di Semenanjung Malaysia dan projek sambungan sekolah daif di Sabah dan Sarawak untuk dilaksanakan oleh JKR.

48. Selain itu, JKR diberikan tanggungjawab besar bagi melaksanakan Projek Jalan Luar Bandar (JALB) dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Untuk makluman, sebanyak 16 projek baharu JALB Semenanjung dengan kos keseluruhan berjumlah RM841.408 juta dibawah Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) tahun 2019 telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh JKR.

49. Selaras dengan hasrat jabatan supaya semua projek dapat dilaksanakan dengan cekap mengikut skop, kos dan kualiti yang telah ditetapkan supaya menepati dan memenuhi ekpektasi pelanggan, Jabatan telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Jawatankuasa Program/ Project Problem Solving Governance di peringkat JKR Malaysia bertujuan membantu menyelesaikan masalah/ isu projek atau pun masalah antara sektor yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Pra dan Pasca Kontrak.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

## **PENUTUP**

50. Sebelum mengakhiri ucaptama saya pagi ini, hayatilah setiap perkara yang telah saya bangkitkan samada kelemahan kita, kekuatan kita atau cabaran yang akan kita hadapi di masa depan. Berganding bahu dan saling sokong menyokonglah di antara satu sama lain kerana kita merupakan keluarga besar dan sewajarnya berusaha serta bersatu hati menjaga ‘rumah’ yang kita sayangi ini.

Apa jua rintangan cabaran yang hadir, tanganilah secara musyawarah dan holistik bagi memastikan kelangsungan JKR sentiasa relevan, dihormati serta disanjung di negara kita mahupun seluruh dunia. Hala tuju JKR perlu berada di atas landasan yang betul agar kewujudan JKR yang telah melebihi 147 tahun lamanya tetap unggul dan menjadi focal point dalam industri pembinaan Negara. Jadikan tohmahan dan kritikan yang kita terima sebagai pembakar semangat untuk kita menjadi lebih kuat dan cemerlang.

51. Demi memartabatkan JKR ke tahap yang lebih tinggi, seharusnya kita perlu mempersiapkan diri dengan kompetensi dan profesionalisme serta menggunakan segala pengalaman yang ada sejajar dengan tema SOC pada kali ini, iaitu ‘JKR: Peneraju Infrastruktur Negara’. Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi oleh JKR bagi tahun 2018 adalah hasil usaha, komitmen dan sumbangan daripada seluruh warga kerja JKR. Tahun 2019 pasti datang dengan cabarannya tersendiri, oleh yang demikian adalah perlu bagi kita semua untuk berganding bahu dan bertekad dalam mengharungi cabaran ini untuk

mengubahnya menjadi kejayaan yang manis. Beranikan diri untuk keluar dari zon selesa dan yakin serta percaya akan diri sendiri yang anda semua mampu dan berupaya membuat anjakan pembaharuan dengan kapasiti yang ada.

52. Akhir kata, saya berdoa semoga semangat iltizam dan keikhlasan kita untuk berubah menjadi lebih baik dalam menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan akan dapat melahirkan organisasi JKR yang lebih cemerlang dan disegani di negara kita dan seluruh dunia. Terima kasih yang tidak terhingga untuk

seluruh warga JKR di atas khidmat bakti yang dicurahkan untuk jabatan yang tercinta ini. Semoga dengan izin Allah SWT, tahun 2019 bakal melakar kejayaan yang lebih cemerlang daripada tahun-tahun sebelumnya. InsyaAllah.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.